

10 NOV 1999

BELANJAWAN-PILIHAN RAYA

BELANJAWAN BARU AKAN DIBENTANGKAN SELEPAS PILIHANRAYA

PUTRAJAYA, 10 Nov (Bernama) -- Belanjawan baru akan dibentangkan di Parlimen selepas pilihan raya umum kerana ia belum diluluskan oleh Parlimen, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Belanjawan bagi tahun 2000 akan dibentangkan sekali lagi di Parlimen, katanya ketika mengumumkan pembubaran Parlimen esok di mana ia akan memberi laluan bagi pilihan raya umum Malaysia ke-10.

Beliau memberitahu sidang akhbar di sini, oleh kerana Belanjawan 2000 pada 29 Okt masih belum diluluskan oleh Parlimen, ia perlu dibentangkan semula untuk dibahaskan kerana Parlimen telah dibubarkan.

Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail membuat pengumuman itu di permulaan sidang parlimen selepas waktu rehat pada 2.30 petang.

Zahir berkata beliau menerima surat perkenan pembubaran parlimen daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada jam 12.45 petang.

Pembubaran parlimen menamatkan spekulasi dan tanda tanya mengenai pilihan raya segera menjelang tamat penggal parlimen pada Jun tahun depan.

Apabila ditanya sama ada belanjawan yang akan dibentangkan adalah belanjawan baru atau yang sama seperti yang dibentangkan dua minggu lalu, Dr Mahathir berkata ia bergantung kepada kerajaan baru.

Menurutnya jika Barisan Nasional memenangi pilihan raya ini, belanjawan akan tetap sama seperti yang dibentangkan sebelum ini tetapi secara berseloroh menambah "oleh kerana ada orang lain yang turut mahu menjadi perdana menteri, kami tidak tahulah."

Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin membentangkan Belanjawan 2000 yang murah hati dan mesra perniagaan pada 29 Okt.

-- BERNAMA

ES/ARA ZK MA